# PERPUSTAKAAN




# LIBRARY

## PERPUSTAKAAN

### PENGENALAN

Perpustakaan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah berkembang sejajar dengan populasi KUKUM yang kian bertambah. Kini Perpustakaan telah mempunyai 2 lokasi di Bangunan KWSP yang berkeluasan kurang lebih 22,000 kaki persegi. Aras 1, menempatkan Koleksi Bersiri dan Dokumen, Bilik Televisyen dan Surau. Manakala aras 2, menempatkan Koleksi Rak Terbuka (Sains dan Bukan Sains), Koleksi Rujukan, Bilik Pembelajaran Berbantukan Komputer, Perkhidmatan Fotokopi Layan Diri, Mesin SelfCheck, BookDrop, Kaunter Sirkulasi, Kaunter Runding Maklumat dan Media, Ruang Diskusi dan pejabat pentadbiran Perpustakaan.

### PERKEMBANGAN ICT

Tahun 2004 merupakan tahun yang bersejarah di mana Perpustakaan KUKUM telah menggunakan Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu VIRTUA. Sistem ini memberi pelbagai kemudahan kepada pengguna Perpustakaan. Antaranya ialah pengguna dengan sendiri boleh melakukan proses pinjaman dan pembaharuan pinjaman melalui SelfCheck, memulangkan buku melalui BookDrop, mengakses akaun Perpustakaan melalui Single Sign On, melakukan tempahan bahan, pembaharuan serta melakukan pencarian secara online.

## LIBRARY

### INTRODUCTION

The Library of the Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia has expanded in line with the increasing KUKUM's population. Now the library has had 2 locations at the KWSP Building which take about 22,000 square feet. Level 1 places the Series Collection and Documents, Television Room and Prayer Room. While Level 2 places the Open Rack Collection, Computer Aided Learning Room, Self-Service Photocopy Service, Self-Check Machine, BookDrop, Circulation Counter, Information and Media Consultation Counter, Discussion Room and the Library Administration Office.

### ICT DEVELOPMENT



Year 2004 is the historic year where KUKUM has used the Integrated Library Management System ( VIRTUA ). The system has given diverse facilities to the library's users. Among those are the users themselves can perform the process of borrowing and renewing through Self-Check, returning a book through BookDrop, access the library account through Single Sign On, perform the item reservation, renewal and perform the on-line search.




Carta 1 : Pengukuhan Koleksi Tahun 2004

## PERPUSTAKAAN

### PERKEMBANGAN KOLEKSI

Perpustakaan KUKUM telah mengukuhkan sumber maklumat dengan menambah jumlah bahan bacaan serta pangkalan data elektronik dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Jumlah Koleksi Bahan Buku ialah sebanyak 17,000 naskhah (bercetak), 250 judul (e-book), Bahan Media sebanyak 2,000 buah, Bahan Bersiri dan Dokumen sebanyak 130 naskhah (bercetak), dan 1,000 judul (e-journal). Setiap cadangan yang diterima daripada tenaga akademik, pengurusan mahu pun pelajar diambil serius bagi memastikan setiap keperluan dipenuhi. Sudut Perolehan Baru terutamanya telah diwujudkan bagi memaklumkan kepada pengguna tentang bahan baru terpilih yang telah siap diproses untuk pinjaman.



## LIBRARY

### COLLECTION DEVELOPMENT

The KUKUM Library has strengthened the information source by increasing the sum of the reading materials and electronic database in supporting the teaching and learning process. The sum of the books collection are 17,000 pieces (printed), 250 titles ( e-book ), 2000 pieces media materials, 130 pieces Series Material and Document (printed), and 1000 titles (e-journal). Any suggestion which is received from the academic force, management and students is taken seriously to ensure each need is fulfilled. New Acquisition Corner has been introduced especially to inform users about a new selected item that is furnished for the borrowing.

### SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK

Sebanyak 8 pangkalan data elektronik telah dilanggan bagi memberikan lebih capaian kepada maklumat ilmiah yang tidak terhad yang berada di Perpustakaan. Pangkalan-pangkalan data yang dilanggan adalah memenuhi skop subjek-subjek utama yang ditawarkan di KUKUM. Dengan adanya Pangkalan-pangkalan data elektronik maka tiada istilah 'Perpustakaan DITUTUP'. Pengguna boleh mengaksesnya di mana jua di dalam kawasan KUKUM.

### ELECTRONIC INFORMATION SOURCE

A total of 8 electronic database have been purchased to give more access to unlimited knowledge information for the Library. The database purchased have fulfilled the scope of main subjects which are offered at KUKUM. With the inclusion of the electronic data, thus there is no definition as ' Library CLOSED'. Users can access it anywhere within the KUKUM's vicinity.




Rajah 1 : Pangkalan-Pangkalan Data Elektronik Langganan

## PERPUSTAKAAN

## LIBRARY




### PERKHIDMATAN SIRKULASI

Unit Sirkulasi merupakan unit yang bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan seperti pinjaman, pemulangan, pembaharuan pinjaman, tempahan bahan dan denda perpustakaan. Semua urusan berkenaan pinjaman, pemulangan, pembaharuan pinjaman, tempahan bahan dan denda perpustakaan boleh dibuat di Kaunter Sirkulasi. Namun begitu, semenjak pihak perpustakaan memperoleh sistem pengurusan perpustakaan bersepadu maka setiap urusan tersebut boleh dilakukan sendiri oleh semua pengguna kecuali urusan membayar denda.

### JURNAL PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN KEJURUTERAAN

Jurnal Penyelidikan dan Pendidikan Kejuruteraan (keluaran 2004) merupakan jurnal pertama yang diterbitkan oleh Unit Penerbitan Perpustakaan. Jurnal ini diterbitkan setahun sekali dengan memuatkan artikel-artikel hasil penyelidikan para ilmuan, ahli-ahli akademik dan industri dalam bidang kejuruteraan Mikroelektronik, Komputer, Perhubungan, Mekatronik, Sistem Elektrik, Matematik, Elektronik, Reka Bentuk Produk, Metalurgi, Bahan, Pembuatan dan Pengurusan Kejuruteraan.

### CIRCULATION SERVICE

The Circulation Unit is a unit responsible to manage services like borrowing, returning, borrowing renewal, item reservation and library's fines. All matters pertaining to the borrowing, returning, borrowing renewal, item reservation and a library's fine can be made at the Circulation Counter. Yet, since the Library has acquired the Integrated Library Management System, each matter can be made independently by the user except for the fine payment.

### ENGINEERING RESEARCH AND EDUCATION JOURNAL

The Engineering Research and Education Journal ( Published 2004 ) is the first journal published by the Library Publishing Unit. The journal is published annually by including articles on research outcomes from the scholars, academicians and industrialists in the engineering areas of Microelectronics, Computer, Communication, Mechatronics, Electronics, Product Design, Metallurgy, Material, Manufacturing and Management.